

Tajuk: Perubahan Amalan Ritual Dalam Budaya Iban Di Sarawak

Dr Noria Tugang

Dr Anna Durin

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

94300 Kota Samarahan

Sarawak, Malaysia

E-mail: tnoria@faca.unimas.my

danna@faca.unimas.my

ABSTRAK

Kertas Kerja ini melaporkan tentang hasil penyelidikan yang telah saya jalankan bermula Januari 2011 sehingga Disember 2012. Penyelidikan ini telah dijalankan di beberapa buah rumah panjang Iban yang masih mengamalkan agama dan kepercayaan tradisional/animisme di sekitar Bahagian Sri Aman, Lubuk Antu dan Bahagian Bintulu yang kesemuanya rumah panjang tersebut berada di negeri Sarawak. Fokus penyelidikan ini ialah kepada kain Pua Iban di Sarawak sebagai Warisan Budaya unggul, dan Perubahan Sosial dalam masyarakat Iban berkaitan dengan kain pua yang amat unik dan tersendiri. Kesemua analisa data yang akan diterangkan dalam kertas kerja penuh ini kelak telah diperolehi daripada informan-informan yang pakar berusia lebih 90 tahun melalui Kajian Kerja Lapangan yang telah dijalankan di beberapa buah rumah panjang Iban di bahagian yang telah diterangkan di atas ini. Fokus kepada perubahan ritual tentang pembuatan dan penggunaan kain pua Iban. Pada masa sekarang, perubahan yang berlaku terhadap kain pua dalam pengamalan ritual masyarakat Iban di Sarawak diperlihatkan dengan amat jelas terutamanya dari segi ritual pembuatan dan penggunaan kain pua itu sendiri, khasnya dalam penyediaan dan penggunaan bahan-bahan tradisional, pembuatan motif-motif tradisi dan penggunaannya dalam aspek ritual yang telah banyak mengalami kelunturan, perubahan dan kepupusan dalam budaya masyarakat Iban, khasnya pada masa kini. Apabila masyarakat kecil, seperti masyarakat Iban, bertembung dengan masyarakat yang lebih besar, maka berlakulah suatu pertembungan budaya menerusi pelbagai kaedah, cara, contohnya penyebaran agama baharu, pendidikan, ekonomi, sosial dan teknologi moden masa kini memungkinkan berlakunya proses penyesuaian, atau proses adaptasi, asimilasi, kombinasi, percampuran bahan, penerimaan ruang, tempat atau memungkinkan pelbagai perkara atau perubahan secara total sehingga pembuatan dan penggunaan warisan budaya seperti kain pua Iban dipengaruhi oleh teknologi moden masa kini yang terserap ke dalam pembuatan dan penggunaan kain pua Iban yang berteraskan budaya tradisional yang sihat, terus ditolak atau diterima hanya sebahagiannya sahaja untuk mencapai dan mengekalkan status kehidupan individu, keluarga atau masyarakat Iban tersebut yang dianggap lebih moden dan sofistikated. Maka dengan itu, masyarakat Iban itu sendiri kurang berupaya untuk melakukan pelestarian dan kesinambungan terhadap akar budaya dan warisan mereka. Ironinya, apabila proses penyesuaian berlaku secara berterusan, warisan budaya tradisi seperti kain pua Iban ini akan berubah secara berperingkat-peringkat, dan masyarakat Iban pula mula bertukar kepada budaya baharu itu dan secara tidak langsung mengakibatkan berlaku perubahan berkaitan dengan pembuatan dan penggunaan pada kain pua dalam pengamalan ritual dalam masyarakat Iban di Sarawak.